

FAEDAH MyGAP

Penternak

- ✓ **Ladang ternakan mendapat khidmat nasihat dan kawal selia berterusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).**
- ✓ **Pengiktirafan yang diterima menjadi petunjuk kepada tahap pengurusan dan sistem penternakan berkualiti yang diamalkan.**
- ✓ **Ternakan dan hasilan keluaran ladang diperakui selamat, berkualiti dan bebas daripada penyakit.**
- ✓ **Ternakan dan hasilan keluaran ladang mereka diiktiraf dan mempunyai daya saing yang lebih tinggi daripada segi pemasaran dan peluang pasaran untuk tempatan dan luar Negara.**
- ✓ **Sebarang bayaran tidak dikenakan untuk perkhidmatan dan persijilan kepada penternak yang memohon menyertai MyGAP.**
- ✓ **Proses permohonan dan kelulusan dokumen eksport (permit dan sijil kesihatan veterinar) adalah lebih mudah dan cepat.**
- ✓ **Ladang yang mempunyai MyGAP mendapat kelebihan untuk mengeksport.**
- ✓ **Bagi membantu pengusaha dan penternak menyertai skim persijilan ini dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan, DVS menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:**
 - a. Kod amalan penternak baik dan garis panduan GAHP yang relevan mengikut ladang ternakan.

Masyarakat

- ✓ **Pengamalan sistem penternakan yang baik dapat membantu pengawalan pencemaran persekitaran serta menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat setempat.**
- ✓ **Hasil ladang yang dikeluarkan lebih terjamin kepada pengguna dimana kepentingan dan kesihatan pengguna dilindungi.**
- ✓ **Pengamalan sistem yang baik memberi sumbangan yang ketara ke arah pencapaian taraf bebas penyakit serta peningkatan kualiti ternakan dan kesihatan awam.**

MALAYSIA

- b. Khidmat nasihat sistem pengurusan penternakan yang baik bermula daripada peringkat awal penubuhan ladang ternakan.
- c. Rundingcara seterusnya untuk penambahbaikan dan peningkatan taraf amalan penternakan yang baik bagi mencapai piawaian dan syarat pengiktirafan akreditasi MyGAP.
- d. Rundingcara dan khidmat nasihat penyediaan manual program kepastian kualiti (QAP).
- e. Khidmat pemantauan dan kawalselia DVS secara berterusan melalui surveillance audit dan semasa ke semasa dan review audit setiap satu tahun sekali.

